

16 NOV 1999

Samy-Kemenangan

HARI PENGUMUMAN CALON BERTUKAR JADI HARI KUTUK PEMBANGKANG

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Apa yang sepatutnya perjumpaan untuk mengumumkan senarai calon-calon MIC bagi pilihan raya umum 29 Nov hari ini sebaliknya bertukar menjadi hari perhimpunan mengutuk pembangkang.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu mendahuluinya dengan menyeru anggota parti itu menangkis segala dakwaan yang dibuat terhadap MIC oleh pembangkang.

"Kita mesti beritahu orang ramai apa yang MIC telah lakukan untuk masyarakat," katanya selepas melancarkan buku kecil bertajuk "MIC Prihatin" di ibu pejabat parti di sini.

Buku kecil dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil, itu menggariskan pencapaian MIC sejak 20 tahun lepas.

"Kami akan memastikan kemenangan besar bagi MIC dan Barisan Nasional," kata Samy Vellu dengan disambut sorakan oleh kira-kira 300 anggota MIC, termasuk anggota Jawatankuasa Kerja Pusat dan ketua-ketua bahagian yang hadir.

Mereka telah berkumpul di ibu pejabat parti itu kerana menjangkakan Samy Vellu akan mengumumkan senarai calon MIC yang akan dipilih bagi tujuh kawasan Parlimen dan 15 kawasan negeri untuk ditandingi oleh parti itu.

Bagaimanapun, Samy Vellu berkata senarai itu hanya akan diumumkan selepas ianya diluluskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya beliau telah menyerahkan senarai itu kepada Dr Mahathir hari ini.

Menurutnya empat penyandang anggota Parlimen dan tujuh anggota Dewan Undangan Negeri parti itu akan digugurkan.

-- BERNAMA

ES RHM MAI